

Pemahaman Tekst**Praktis PT3 Pusi Tradisional – Pantun Alam Remaja**

Baca pantun di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- 1 Elok rupanya kumbang jati,
Dibawa itik pulang petang;
Tidak dikatakan besar hati,
Melihat ibu sudah pulang.
- 2 Dibawa itik pulang petang,
Dapat di rumput bilang-bilang;
Melihat ibu sudah pulang,
Hati cemas menjadi hilang.
- 3 Ayam kinantan terbang mengekas,
Hinggap di ranting bilang-bilang;
Melihat bonda pulang lekas,
Hatiku besar bukan kepalang.
- 4 Kita menari keluar bilik,
Sebarang tari kita tarikan;
Kita menyanyi adik-beradik,
Sebarang nyanyi kita nyanyikan.

- 5 Hanyut batang berlilit kumpai,
Terdampar di *ujung* Tanjung Jati;
Bonda pulang bapa pun sampai,
Kita semua **berbesar hati**.
- 6 Ramai orang bersorak-sorak,
Menepuk gendang dengan rebana;
Alang besarnya hati awak,
Mendapat baju dengan **celana**.
- 7 Mahulah kami hendak melapun,
Lapun dibawa orang **menjaja**;
Jangan marah kami berpantun,
Budak kecil biasa manja.

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

**Nota SMART****Anafora**

- Terdapat gaya bahasa anafora yang bermaksud pengulangan perkataan yang sama pada bahagian hadapan ayat.
- Contoh: Yang kurik kundi,
Yang merah saga.

Entri Kata

- **cemas** – bimbang
- **berbesar hati** – bangga
- **celana** – seluar
- **menjaja** – menjual

1. Apakah perasaan yang dialami oleh penyair apabila ibu dan ayahnya pulang?

A Bimbang C Gembira
B Takut D Tenang

2. Sebarang tari kita tarikan

Apakah gaya bahasa baris pantun di atas?

A Sinkope C Inversi
B Simile D Responsi

3. Antara yang berikut ialah sikap yang harus ada pada ibu bapa terhadap anak-anak berdasarkan pantun, **kecuali**

A menyayangi anak-anak.

- B bersikap pemurah kepada anak-anak.
C bertanggungjawab terhadap keselamatan anak-anak.
D berusaha untuk menyenangkan hidup anak-anak.

4. Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya untuk mengukuhkan hubungan antara ibu bapa dengan anak-anak remaja? KBAT Menilai

- A Membelikan keperluan harian mereka
B Memasakkan makanan kegemaran mereka
C Menjadi pendengar yang baik kepada mereka
D Turut serta dalam aktiviti anak-anak dengan rakan-rakan mereka

Praktis PT3 Sajak – Roti

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Dari cerobong dapur
asap berjelaga berkepul
terkecur liur
harum berbau juadah tersohor.

Perut yang lapar
selera kian menggelepar
menanti roti dibakar
rangup dan segar
terhidang seumpama permaidani terhampar.

Kala roti di depan mata
nafsu makan pun bergelora
berkeping-keping menggegar selera
perut pun kenyang terasa
tenang bersendawa.

Bagi **pemilik** iman di dada
sendawa itu tidak sempurna
masih ada **beban** di bahu mereka
warga miskin belum **terbela**
masih merintih lapar dahaga.

Bila begitu selamanya
kalimah syukur pun jelas tertera
di hati **sanubari** warga dunia
melangit damai dirasa
percikan iman segar berwarna.

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)



Nota SMART

- Metafora merupakan gabungan konkrit dan abstrak yang terdapat dalam gaya bahasa sajak.
- Contoh metafora ialah darah perjuangan, sungai kehidupan dan bahtera kehidupan



Entri Kata

- **terkecur liur** – teringin
- **pemilik** – tuan punya
- **beban** – tanggungjawab
- **terbela** – diperjuangkan
- **sanubari** – hati

1. Berdasarkan sajak *Roti*, apakah yang membangkitkan selera penyajak?

- A Hidangan pagi yang enak
- B Bau harum roti yang sedang dibakar
- C Pelbagai jenis roti yang dihidangkan
- D Bau perisa roti yang digunakan

2. selera kian menggelepar

Apakah gaya bahasa baris sajak di atas?

- A Simile
- B Anafora
- C Repetisi
- D Personifikasi

3. Mengapakah penyajak mengatakan bahawa sendawanya masih tidak sempurna?

- A Kerana penyajak seorang yang beriman
- B Kerana teringat akan jiran-jirannya yang hidup susah
- C Kerana teringat akan orang miskin yang tidak mendapat makanan
- D Kerana terlupa untuk memberikan makanan kepada jirannya

4. Antara yang berikut ialah pengajaran bagi sajak *Roti*, kecuali

- A kita hendaklah bersikap sabar ketika menunggu untuk mendapatkan sesuatu.
- B kita hendaklah membantu orang yang dalam kesusahan.
- C kita hendaklah sentiasa bersyukur kerana dapat menikmati makanan.
- D kita hendaklah menjaga tutur kata semasa berbicara dengan orang yang susah.